

Pindaan akta universiti tidak perlu gopoh: PM

BH 17 JUL 2001

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin – Sebarang tindakan untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 tidak boleh dilakukan secara gopoh, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan, sebarang langkah untuk membuat pindaan itu akan mendatangkan hasil yang tidak baik jika ia dilakukan secara terburu-buru.

“Sebab itu kita akan ambil sedikit masa kerana saya dapati universiti sekarang ini tidak lagi berfungsi sebagai universiti, sudah jadi pusat un-

Perdana Menteri bimbang jika pindaan itu dilakukan secara terburu-buru akan memberi hasil tidak baik

tuk menghasut.

“Penuntut tidak belajar, kita belanja duit banyak, duit rakyat dan kita tak dapat hasil yang kita kehendaki dan kita akan ambil tindakan,” katanya selepas menyampaikan ucap tama pada Forum Tenaga Elektrik Malaysia 2001 di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, sema-

lam bahawa kementerian itu merangka kertas cadangan berhubung pindaan AUKU bagi memastikan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) memberi tumpuan kepada pelajaran dan bukan kegiatan luar yang merosakkan.

Abdul Aziz dilaporkan berkata, pihaknya akan mempercepatkan penyediaan kertas cadangan itu jika mendapati pindaan

berkenaan perlu disejajarkan. Kertas cadangan itu yang akan dikemukakan kepada Kabinet turut mengambil kira kesan pindaan serta cadangan daripada pelbagai pihak.

Sabtu lalu, Dr Mahathir berkata kerajaan akan memperketatkan lagi peraturan di universiti termasuk kemungkinan meminda AUKU, bagi memastikan pelajar lebih menumpukan kepada pelajaran, bagi mengelak mereka menggunakan universiti sebagai pusat kegiatan aktivis luaran.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai perhimpunan haram di hadapan kem Kamunting di Perak

bagi membantah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) semalam. Kira-kira 450 orang berkumpul dan turut membantah penahanan beberapa pemimpin pembangkang.

Dr Mahathir berkata, ia sudah menjadikan satu budaya baru dengan membuat bantahan mengenai apa saja yang dilakukan oleh kerajaan.

“Saya tidak fikir ia adalah bantahan yang melibatkan ramai orang, saya tidak tahu berapa banyak dan saya belum menerima sebarang laporan. Ini adalah budaya baru, membantah terhadap apa saja.

“Jadi anda boleh jang-

ka ini akan berlaku di seluruh dunia. Saya diberitahu 100,000 orang akan memprotes terhadap mesyuarat G7 (tujuh kumpulan negara maju) di Itali, itu benda lebih besar.

“Di Malaysia, mungkin 30 orang, 100 orang protes. Ia benda kecil. Saya tidak nampak mengapa orang harus bimbang mengenai semua ini,” katanya.

Petang semalam, polis turut menahan 41 orang termasuk 10 wanita dalam perhimpunan haram itu dan polis percaya, mereka datang dari Kuala Lumpur dan Pulau Pinang serta beberapa negeri dari Selatan dengan menaiki bas dan kereta.